

SEKSYEN 50 IRDA (AKTA 664) : KEKEBALAN KEPADA MENTERI DAN PIHAK BERKUASA IRDA

Seksyen 50 IRDA (Akta 664) bertentangan dengan Bahagian II Artikel 8 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut “ Semua orang mempunyai hak-hak di sisi undang-undang dan berhak mendapat perlindungan undang-undang yang setaraf dengannya”. Selain daripada itu, Seksyen di atas juga bercanggah dengan Bahagian I, Kenegaraan, Agama dan Undang-Undang Persekutuan Artikel 4 (1) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut “Perlembagaan ini adalah undang-undang utama dan mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas merdeka yang mana bercanggah dengan perlembagaan ini adalah terbatal”. Seksyen 50 IRDA ini perlu dimansuhkan kerana Seksyen 51 IRDA sudah cukup untuk memberi perlindungan terhadap pihak berkuasa awam WPI. Tidak perlu klausa immuniti diwujudkan yang mana jelas menghalang hak-hak rakyat dalam mengambil tindakan undang-undang dan mendokong konsep Keluhuran Perlembagaan dan Undang-Undang termaktub di dalam Rukun Negara.

SEKSYEN 56 IRDA (AKTA 664) : MENTERI DIBERI KUASA PENUH UNTUK MEMBUAT PERUBAHAN AKTA TANPA MELALUI PROSES PARLIMEN

Seksyen 56 IRDA (Akta 664) bertentangan dengan konsep separation of powers atau pemisahan kuasa dalam Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan badan eksekutif, perundangan dan kehakiman sebagai entiti yang mempunyai bidang kuasa yang berbeza-beza. Parlimen sebagai badan perundangan mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang. Manakala Eksekutif adalah sebagai pelaksana undang-undang yang diputuskan di Parlimen. Dalam Sekyen 56 IRDA, badan eksekutif mempunyai kuasa untuk mengubah suai apa-apa peruntukan Akta 664. Jelas sama sekali ini adalah pelanggaran konsep separation of powers di dalam Perlembagaan Persekutuan atau berlaku percanggahan kuasa (ultra-vires) di antara badan Eksekutif dan badan Perundangan. Selain daripada itu, Seksyen 56 IRDA ini bertentangan dengan Bahagian II, Kebebasan Asasi, Artikel 10 (1) Perlembagaan Persekutuan berkenaan Kebebasan Bersuara. Ini kerana tiada pungutan suara atau perbincangan rasmi di buat oleh Kerajaan Persekutuan terhadap rakyat Johor khususnya dalam membuat Akta 664 ini. Apatah lagi bagi meminda sesuatu peruntukan undang-undang bagi menghapuskan apa-apa kesulitan yang mana boleh membuka kepada penyalahgunaan kuasa oleh kerajaan.

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA RASMI DAN BAHASA PERHUBUNGAN WPI

Artikel 152 (6) Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan kedudukan Bahasa Melayu adalah sebagai bahasa rasmi di dalam mana-mana urusan kerajaan samada Persekutuan atau Negeri. Ini kerana di dalam keputusan kes Merdeka Universiti Bhd v Kerajaan Malaysia, Ketua Hakim Negara Tun Suffian menyatakan bahawa Bahasa Melayu adalah Bahasa Rasmi. Di dalam semua urusan rasmi kerajaan Bahasa Melayu mestilah digunakan manakala penggunaan Bahasa Inggeris dibenarkan tetapi tertakluk kepada

Seksyen 4 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67. Penggunaan bahasa lain juga dibenarkan tetapi bukanlah dalam urusan rasmi kerajaan dan tiada halangan kepada mana-mana individu untuk mempelajari apa-apa bahasa. Dasar ini adalah adil kerana kita sebagai rakyat Malaysia perlu mendaulatkan Bahasa Kebangsaan (Melayu) sebagai Bahasa Rasmi yang utama dan kita juga tidak menghalang pembelajaran bahasa-bahasa lain oleh mana-mana individu yang berminat untuk mendalaminya. Kewujudan Bahasa Melayu adalah untuk menyatupadukan kaum di Malaysia dan keputusan Mahkamah Persekutuan ini perlulah di ambil kira dan dikaji semula oleh pihak Kerajaan. Dengan itu, Bahasa Melayu mestilah dijadikan bahasa rasmi di dalam mentadbir dan menguruskan WPI kerana ini sekaligus dapat mengangkat martabat negara Malaysia yang mempunyai identiti bahasa dan kebudayaan tersendiri.

JADUAL 3 SEKSYEN 8(4) IRDA (AKTA 664) : SUATU KETETAPAN BOLEH DICAPAI TANPA MESYUARAT

Jadual 3 (1)(b) memperuntukkan seperti berikut:

Suatu ketetapan dianggap telah diluluskan dalam sesuatu mesyuarat Pihak Berkuasa jika-

(a) semua anggota Pihak Berkuasa telah dimaklumkan mengenai ketetapan yang dicadangkan itu, atau usaha yang munasabah telah diambil untuk memberitahu semua anggota Pihak Berkuasa mengenai ketetapan yang dicadangkan itu; dan

(b) tanpa bermesyuarat, semua anggota Pihak Berkuasa menandakan persetujuan dengan ketetapan itu mengikut kaedah yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa di bawah Subperenggan (2)

(2) Subperenggan (1) terpakai hanya jika Pihak Berkuasa-

(a) memutuskan bahawa subperenggan ini terpakai; dan

(b) memutuskan kaedah yang dengannya anggota Pihak Berkuasa boleh menandakan persetujuan tentang ketetapan ini.

Jikalau kita melihat secara menyeluruh kaedah ketetapan tanpa bermesyuarat ini berdasarkan maklumat sahaja boleh membuka kepada ruang penyalahgunaan kuasa. Ini kerana Seksyen ini perlu menyatakan secara spesifik apakah bentuk maklumat yang dibuat. Isu WPI ini bukanlah isu yang kecil, oleh itu segala keputusan mestilah berdasarkan keputusan mesyuarat dan bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa berlaku. Seksyen ini juga agak mengelirukan dengan penambahan Subperenggan (2). Pada pandangan saya Seksyen ini dibuat dalam keadaan tergesa-gesa tanpa penilaian semula tahap kesannya kepada rakyat dan mencerminkan sikap kerajaan yang tidak demokratik dan tidak mengamalkan konsep musyawarah dalam membuat keputusan.

SEKSYEN 8(2) & 8(3) IRDA (AKTA 664) : KEDUDUKAN PENERUS BERSAMA ANTARA PERDANA MENTERI-MENTERI BESAR JOHOR ADALAH SAMA SEKALI TIDAK BENAR

Seksyen 8 (1) IRDA (Akta 664) menyatakan Pihak Berkuasa hendaklah terdiri daripada anggota berikut:

(a) 2 orang Penerus Bersama, seorang daripadanya ialah Perdana Menteri dan seorang lagi Menteri Besar.

Malangnya jikalau ketiadaan Perdana Menteri untuk mempengerusikan Mesyuarat Seksyen 8 (2) IRDA menyatakan Timbalan Perdana Menteri hendaklah menjadi anggota silih ganti Perdana Menteri sebagai Penerus Mesyuarat. Persoalannya apakah peranan Menteri Besar Johor dalam keanggotaan Pihak Berkuasa ini? Adakah sekadar kuda tunggangan kepada Kerajaan Persekutuan ataupun lambang boneka yang menandakan persetujuan bagi menyelamatkan kerusi panas yang telah lama diduduki.

SEKSYEN 18 BAHAGIAN III IRDA (AKTA 664) : KETUA EKSEKUTIF WPI TIDAK SEMESTINYA BERBANGSA MELAYU KERANA PERLANTIKANNYA MENGIKUT SYARAT DAN TERMA YANG DIFIRKAN WAJAR

Pihak Berkuasa hendaklah menyatakan secara spesifik apakah kelayakan atau ciri-ciri untuk menjadi Ketua Eksekutif. Ini kerana tiada kelayakan yang dinyatakan untuk menjadi Ketua Eksekutif. Ini penting bagi memperkukuhkan lagi polisi terutama dalam segi pegangan jawatan Ketua Eksekutif dalam mengemudi WPI. Polisi kelayakan Ketua Eksekutif bagi orang Melayu juga perlu dibuat bagi menunjukkan usaha kerajaan menambahkan lagi profesional Melayu di Malaysia.